

Putrajaya: River of Life (RoL) atau Sungai Nadi Kehidupan adalah usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti air Sungai Klang tercemar yang kini Indeks Kualiti Air (IKA) pada kelas III ke kelas IIB.

Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Datuk Dr Md Nasir Md Noh berkata, projek berkenaan yang dimulakan pada 2011 sudah siap 64 peratus di bawah komponen pembersihan sungai dan dijangka da-

Kualiti air Sungai Klang dari kelas III ke kelas IIB

pat disiapkan pada 2019.

"IKA pada kelas ini (kelas IIB) sesuai untuk rekreasi dan sentuhan badan menjelang tahun 2020.

"Selepas empat tahun projek ini dijalankan, ia sudah menampakkan perubahan positif agak ketara dengan bacaan IKA Sungai Klang menjadi lebih baik daripada kelas IV pada 2014 ke kelas III tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, perubahan itu turut disumbangkan dengan pemasangan perangkap sampah (di bawah komponen pembersihan) yang dapat mengurangkan 83 peratus jumlah sampah daripada memasuki sungai.

"Ia juga dibantu dengan keberkesanan JPS di Bahagian Pengurusan Lembaga Sungai yang mengadakan program turun pa-

dang berjumpa dengan orang ramai sejak lima tahun lalu bagi menerangkan kepentingan menjaga kebersihan sungai.

"Program ini (turun padang) juga dapat mewujudkan komuniti yang sangat menjaga alam sekitar terutamanya sungai dan ini secara tidak langsung boleh menyelesaikan masalah pencemaran," katanya.

Katanya, sekiranya projek

itu siap kelak, ia akan meningkatkan IKA Sungai Klang daripada 52 kepada 76.

Menurutnya, projek RoL merangkumi tiga komponen utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan dan pembangunan hartanah.

"Kerja ini (pembersihan sungai) diketuai JPS yang meliputi sepanjang 110 kilometer lembangan Sungai Klang termasuk Sungai

Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Kerayong, Sungai Ampang dan Sungai Bunus.

"Pengindahan sungai membabitkan 11 fasa dijangka siap sepenuhnya menjelang 2018 sebelum kerja pembangunan hartanah yang membabitkan 108 lot tanah milik kerajaan di sekitar kawasan Kuala Lumpur yang berdekatan dengan Sungai Klang," katanya.